

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Sultan Nazrin sampaikan anugerah keselamatan siber	Berita Harian
2	Jenayah ekonomi kaut RM15.7j	Harian Metro
3	Alarming rise in cyber crime	The Sun
4	587 kes penyamaran dalam internet	Sinar Harian
5	587 kes penyamaran dalam internet dalam tempoh lima bulan - MOSTI	Bernamea.com
6	587 online impersonation cases reported in five months	Bernamea.com
7	Fortinet new regional solution centre in Malaysia	Bernamea.com
8	TPM menang anugerah organisasi keselamatan siber 2014	Bernamea.com
9	Making space for others	Star Metro
10	State of the art facility	The Star
11	Centre equipped to build and test satellites	The Star
12	Kejadian terakhir sebelum peralihan monsun	Harian Metro
13	Kedah dilanda puting beliung kali kelima	Utusan Malaysia
14	Another twister leaves trail of destruction	The Star
15	Third land spout hits Kedah	New Straits Times
16	Sebar berita palsu status halal bercanggah islam	Sinar Harian
17	Biotech scene emerges	The Star

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)



**Sultan Nazrin
sampaikan
anugerah
keselamatan siber**

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan mencemar duli menyampaikan Anugerah Keselamatan Siber Malaysia (CSM) 2014 kepada 13 penerima anugerah melalui tujuh kategori sebagai **menghargai dan mengiktiraf sumbangan mereka melalui inovasi, komitmen, kepimpinan industri dan pendidikan awam dalam aspek keselamatan siber** di Ipoh, semalam. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan BAE System Applied

Intelligence menjadi pemenang tunggal bagi kategori masing-masing, iaitu Anugerah Projek Keselamatan Siber Terbaik dan Syarikat Keselamatan Siber Terbaik. Yang hadir sama pada majlis itu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah dan Pengerusi Lembaga Pengarah CSM, Tan Sri Mohd Azumi Mohamed.

[FOTO L.MANIMARAN/BH]

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 43
TARIKH: 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)



DR Zambry (dua dari kiri) merasmikan Cyber Security Malaysia (CSM-ACE).

Jenayah ekonomi kaut RM15.7j

Ipoh: Jenayah ekonomi membabitkan penyamaran identiti dan penipuan kad kredit menyebabkan Malaysia kerugian RM15.7 juta dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata, 587 kes membabitkan kes penyamaran identiti dilaporkan kepada pihak berkuasa dengan anggaran kerugian RM14.9 juta.

“Manakala kegiatan phishing dan penipuan kad kredit menyebabkan kerugian

RM845,000 untuk tempoh sama selain 10,636 kes insiden keselamatan siber dilaporkan pada tahun lalu saja,” katanya.

Beliau memaklumkan Internet sepatutnya menawarkan peluang baru dalam memperluaskan ekonomi dan peluang perniagaan, namun salah guna data peribadi dikhuatiri boleh melumpuhkan ekonomi, tahap kompetitif dan inovasi.

“Menangani ruang siber yang komplikated kini menjadi keutamaan kepada kerajaan di

bawah MOSTI,” katanya ketika pelancaran Anugerah, Persidangan dan Pameran Cyber Security Malaysia (CSM-ACE) di sini, semalam.

Perasmian disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

CSM-ACE adalah persidangan tahunan industri itu yang menjadi program inovatif terbesar berkaitan keselamatan maklumat yang diusahakan agensi MOSTI, CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity).

Alarming rise in cyber crime

IPOH: Police received 587 cases of online crime with an estimated RM14.9 million in losses in the first five months of this year.

Science, Technology and Innovation Deputy Minister (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said phishing and credit card fraud caused losses amounting to RM845,000 during that period.

"Cyber attacks have become more frequent, more widespread and more sophisticated.

"The economic impact of cyber crime globally is huge and today, we are facing a wide range of cyberspace threats from criminals made up of individual hackers and organised groups," he said in his speech at the Cyber Security Malaysia Awards, Conference & Exhibition 2014 (CSM-ACE 2014).

Abu Bakar said 10,636 cyber security incidents were reported in Malaysia last year.

"While the internet offers new opportunities to expand economic and business possibilities, it is also vulnerable to cyber crimes and growing misuse of personal information related to businesses.

"The increasing number of such incidents would, in the long run, harm the country's economic growth, competitiveness and innovation," he said.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

587 kes penyamaran dalam internet

IPOH - Polis telah menerima 587 kes penyamaran dalam talian membabitkan anggaran kerugian mencecah RM14.9 juta dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, kata **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

Beliau berkata, dalam tempoh tersebut kegiatan memancing maklumat pengguna internet atau *phising* dan penipuan kad kredit mencatatkan kerugian sebanyak RM845,000.

"Jenayah siber terhadap kesan ekonomi global adalah begitu besar dan hari ini kita berdepan dengan pelbagai ancaman daripada penjenayah terdiri daripada penggodam individu dan sindiket jenayah terancang di ruang siber," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis Anugerah, Persidangan dan Pameran Keselamatan Siber Malaysia 2014 (CSM-ACE 2014) yang dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, semalam.

Abu Bakar berkata pada tahun lalu, Malaysia mencatatkan sebanyak 10,636 kes aduan jenayah internet.

"Walaupun internet menawarkan peluang baharu bagi mengembangkan perniagaan, kemungkinan ia juga terdedah kepada jenayah siber dan peningkatan penyalahgunaan maklumat peribadi berkaitan perniagaan," katanya.

Menurutnya, peningkatan jumlah kejadian seperti itu akan merosakkan pertumbuhan ekonomi, daya saing dan inovasi negara dalam jangka masa panjang. - Bernama

